

Surat khabar: Berita Harian (Varsiti Inovasi)

Hari/Tarikh: 12/12/2013

Muka surat: V6

Tajuk : UNIMAS Lakar Kejayaan Dalam PeciPTA 2013.

UNIMAS lakar kejayaan dalam PeciPTA 2013

Kota Samarahan: Penyelidik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) melakar kejayaan membanggakan dalam Ekspo Antarabangsa Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi (PeciPTA) 2013 dengan memenangi Anugerah Khas, satu pingat emas dan masing-masing tujuh pingat perak serta gangsa baru-baru ini.

Dalam ekspo berlangsung di Pusat Konvesyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini, UNIMAS mempamerkan 15 ciptaan dan salah satu projek bertajuk 'WikiTours: Achieving Performance Sustainability Through Spatial Integration' yang diketuai Prof Madya Dr Lo May Chiun dari Fakulti Ekonomi dan Perniagaan merangkul Anugerah Khas serta pingat emas.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan

Inovasi (RIMC) UNIMAS, Prof Dr Mustafa Abdul Rahman, berkata kejayaan itu membuktikan kemampuan penyelidik tempatan menghasilkan produk inovasi yang menepati piawaian antarabangsa.

Tujuh inovasi penyelidik UNIMAS yang memenangi pingat perak ialah '1-Bamboo Transit Bicycle' oleh Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman, 'Ecomod from Sago Biomass' and 'Biochar Drawing Media' (Prof Madya Dr Nazlina Shaari), 'Silcat 2.0: Eco-Catalysts For Efficient Biodiesel Production' (Prof Madya Dr Zainab Ngaini).

Pingat gangsa
Novel Enzymes For Efficient



Prof Mustafa (tengah) bersama-sama penyelidik yang meraih pingat.

Bioethanol Production From Solid Biomass (Prof Madya Dr Abu Salleh Ahmed), *'Efficient Biodiesel Production From Jatropha Oil By Using Novel Catalyst As A Clean Fuel For Diesel Engine'* (Prof Madya Dr Abu Salleh

Ahmed), dan *'e-TORO: Indigenous Botanical Knowledge Management System Of Penan'* (Prof Madya Dr Alvin Yeo We).

Sementara itu, tujuh penerima pingat gangsa ialah Dr Noor Alamshah

Bolhassan menerusi inovasi bertajuk *'Ecodemia: Integrated Organisation Learning Management System'*, Dr Chin Suk Fun (*Magnetic Cellulose Aerogel With High Oil Absorption Capacity*), Prof Madya

Dr Siti Noor Linda Taib (*Shallow Peat And Soft Soil Sampler With Detachable Molds*), Dr Cheah Wai Shiang (*Sym-pulse-Community Health Screening Technology*).

Prof Madya Dr Pua Chin Hong (*Measuring Business Cycle Fluctuation: An Alternative Precursor To The Economic Crisis*), Chuah Kee Man (*Leximinds 2.0 - Adaptive Mobile Vocabulary Learning App*), dan Prof Madya Dr Awang Ahmad Sallehin Awang Husaini (*AgriBioActive: Green Biological Control Agent And Biofertiliser For Total Organic Solution*).